

# LIPUTAN MEDIA

MAJLIS PELUNCURAN PELAKSANAAN PENGAUDITAN SYARIKAT  
KERAJAAN

## E-SelfAudit Atasi Kegagalan CEO Syarikat Kerajaan Urus Operasi

SINAR HARIAN | 7 FEBRUARI 2025

8

NASIONAL

SINAR HARIAN • JUMAAT 7 FEBRUARI 2025

TELUS & TULUS  
**Sinar**  
Harlan  
sinaharian.com.my

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

### e-SelfAudit atasi kegagalan CEO syarikat kerajaan urus operasi

FOTO: BERNAMA



Anwar (tengah) menunjukkan risalah Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan pada majlis peluncuran di PICC pada Khamis.

**PUTRAJAYA** - Pengauditan terhadap hampir 2,000 syarikat milik kerajaan menggunakan sistem e-SelfAudit berasaskan kecerdasan buatan (AI) bertujuan menangani beberapa kelemahan seperti kegagalan mengurus dan menyelia operasi syarikat serta kerugian berterusan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Jabatan Audit Negara (JAN) akan melaksanakan pengauditan tersebut bermula tahun ini dengan pelaksanaan kaedah pengauditan rintis menggunakan sistem tersebut yang dimulakan sejak November 2024.

"Lebih penting, sistem ini dibangunkan secara dalaman melalui

Projek Pendigitalan JAN tanpa implikasi kos tambahan kepada kerajaan," katanya dalam ucapan pada Majlis Peluncuran Pelaksanaan Pengauditan Syarikat Kerajaan di sini pada Khamis.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, pengauditan ini bertujuan menangani isu tatakelola yang dikenal pasti dalam syarikat kerajaan termasuk kelemahan pemantauan terhadap laporan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan pelan strategik syarikat.

Antara isu lain yang dikenal pasti ialah kegagalan ketua pegawai eksekutif (CEO) memainkan peranan dalam mengurus dan menyelia

operasi syarikat serta kerugian berterusan di peringkat syarikat induk dan anak syarikat.

"Keuntungan syarikat yang tidak diagihkan semula kepada kerajaan sebagai pulangan juga menjadi satu isu utama, selain kelemahan Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Audit dalam memberi pandangan dan nasihat kepada Lembaga Pengarah," kata beliau.

Anwar turut menegaskan keputusan signifikan syarikat termasuk pembayaran gaji dan perkhidmatan sering kali tidak dibawa untuk kelulusan Lembaga Pengarah, menjejaskan integriti pengurusan.  
- Bernama